

PUPUK SEMANGAT

BM 24 JUL 1990

'MALAYSIA BOLEH': PM

Oleh Agoes Kholil, Wan Jailani Razak dan Amirullah Andi Nur

KOTA KINABALU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat memupuk semangat 'Malaysia Boleh' untuk menguatkan keyakinan bahawa Malaysia boleh mencapai hasratnya menjadi negara maju menjelang 2020.

Sambil menegaskan slogan 'Malaysia Boleh' yang sering dilaungkan dalam acara sukan, Perdana Menteri berkata, Malaysia membuktikan kepada dunia bahawa ia mampu mentadbir sendiri dengan baik tanpa bantuan orang lain.

"Walaupun kita ada masalah, kita boleh menyusun pentadbiran kita supaya negara ditadbir dengan cara yang cukup baik dan hubungan rakyat dengan kerajaan begitu rapat," katanya ketika merasmikan kongres pertama Parti Maju Sabah (SAPP), sebuah parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah di Auditorium Yayasan Sabah di sini, semalam.

ngan baik kerana pemimpinnya tidak mempunyai kebolehan mentadbir negara sendiri.

"Dulu kita tidak pernah mentadbir negara sendiri. Kita duduk di bawah pemerintahan British yang memegang jawatan besar bahkan pelajaran pun tidak diberi kepada rakyat tempatan.

"Tahap pelajaran rendah sekali sehingga kita tidak dapat mencari profesional yang diperlukan untuk mentadbir negara tetapi kita bersyukur kerana setelah merdeka kita dapat melahirkan orang yang berkeupayaan mentadbir negara supaya bukan saja aman tetapi dapat dibangunkan dengan cepat," katanya.

Beliau berkata, walaupun rakyat dianggotai pelbagai kaum dan agama serta ada perasaan kedaerahan, namun ia dapat dibendung untuk memastikan mereka terus bersatu padu.

Kemajuan negara yang

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, dalam bidang ekonomi, Malaysia sudah menukar imejnya daripada sebuah negara yang bergantung kepada pertanian dan bijih timah kepada sebuah negara industri yang lebih 72 jenis daripada eksportnya adalah barangan pembuatan.

"Ada orang yang cuba mempersendakan Wawasan 2020 untuk menjadi negara maju sama seperti Eropah, Amerika dan Jepun. Tetapi yakinlah kalau kita mempunyai kepercayaan yang kita boleh, kita boleh menguasai segala ilmu dan kecekapan," katanya.

Menurut beliau, banyak pihak pada mulanya tidak yakin negara ini boleh ditadbir dengan baik.

"Kita boleh mentadbir dan menyusun pemerintahan negara supaya diurus secara baik dengan menggunakan segala alat moden supaya rakyat dan kerajaan mempunyai hubungan yang baik dan rapat," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebelum merdeka banyak pihak tidak yakin negara boleh ditadbir de-

kini di tahap tinggi, katanya, sudah mengubah taraf hidup rakyat jauh lebih baik berbanding zaman sebelum merdeka.

"Ini tidak akan berlaku jika kita tiada kebolehan membendung segala tekanan yang datang daripada kaum yang berbeza agama.

"Lihatlah negara lain yang penduduknya terdiri daripada dua kaum saja, mereka berperang sehingga hancur negara mereka.

"Sebaliknya di Malaysia, kita mempunyai banyak kaum yang mempunyai bahasa dan agamanya sendiri. Adalah sukar untuk menyatukan kaum yang berbeza tetapi kita berjaya," katanya.

Menurutnya, kejayaan di bidang ekonomi dengan kadar pertumbuhan yang tinggi menyebabkan negara mengalami kekurangan tenaga kerja sehingga menimbulkan minat rakyat asing bekerja di negara ini.

"Kejayaan membangunkan ekonomi adalah kejayaan luar biasa yang dicapai oleh negara berbilang kaum, budaya, agama dan bahasa. Ini satu kejayaan yang amat unik," katanya.